

24/10/2001

Kompleks BPC pikat pelabur asing

Shariffudin Mohamed

PEMBUKAAN rasmi Kompleks Kimia Bersepadu BASF-Petronas Chemicals Sdn Bhd (BPC) yang bernilai RM3.4 bilion di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini, membawa pengertian besar kepada Pahang.

Ia bukan saja membuktikan Pahang terus menjadi tumpuan pelabur asing, terutama dalam bidang petrokimia, malah daya penarik kepada pelabur yang bercadang meluaskan operasi.

Pelabur berpotensi sudah tentu melihat pembukaan kompleks BPC itu satu petanda Malaysia, apatah lagi Pahang memiliki suasana pelaburan yang kondusif untuk menanam modal.

BPC ialah syarikat usaha sama antara Petroliam Nasional Bhd (Petronas) dan BASF Aktiengesellschaft dari Jerman yang mana Petronas memiliki 40 peratus ekuiti.

Pusat Kimia Bersepadu itu apabila siap, memiliki 13 loji yang mengeluarkan monomer akrilik, produk oxo dan butanediol.

Sambil merujuk kepada Pahang, Dr Mahathir, dalam ucapan perasmianya, berkata kerajaan sentiasa menyediakan dan meningkatkan pelbagai kemudahan serta logistik yang diperlukan.

Contohnya, bagi memajukan industri petrokimia di Pantai Timur, kerajaan membina Lebuhraya Pantai Timur yang dijangka siap Ogos 2003 bagi memudahkan perhubungan dengan koridor industri Pantai Timur dengan Pantai Barat.

Beliau berkata, Pelabuhan Kuantan yang menjadi saluran utama pengedaran produk keluaran syarikat petrokimia di Gebeng, turut diperbesarkan bagi menambah keupayaan pengendalian penghantaran.

"Projek pembesaran itu membabitkan pembinaan jeti petrokimia yang baru selain terminal dermaga yang dalam perancangan.

"Semua kemudahan ini dapat meningkatkan pengendalian penghantaran di pelabuhan itu," katanya.

Dalam hal itu, Kuantan Port Consortium Sdn Bhd (KPC) yang mengurus Pelabuhan Kuantan membina dermaga bahan kimia cecair ketiga (LCB 3) di lembangan pelabuhan barunya bagi memenuhi permintaan untuk tambahan dermaga dan kemudahan sokongan.

Pembinaan dermaga adalah selaras dengan kemunculan pantas dan jumlah yang besar perdagangan petrokimia melalui Pelabuhan Kuantan selepas kemunculan kilang yang terletak koridor timur, terutama di Gebeng, serta Kerteh, Terengganu.

Struktur sivil projek itu dijadualkan siap penghujung November tahun ini, manakala keseluruhan pembinaan akan siap untuk digunakan pada suku pertama 2002.

BASF-Petronas Chemical Sdn Bhd akan menjadi pengguna utama LCB 3.

Pada masa ini, Pahang mempunyai 15 kawasan perindustrian membabitkan 2,442 hektar yang dibahagikan kepada tiga zon iaitu Gebeng, Pelabuhan Kuantan, Semambu dan Peramu; Bentong; dan Rompin, Temerloh, Jerantut, Raub, Kuala Lipis, Jengka dan Muadzam Shah.

Mengikut Pelan Pembangunan Indikatif Industri Pahang, sehingga hujung tahun 1998, sebanyak 584 projek mendapat kelulusan membabitkan pelaburan bernilai RM15.87 bilion dan penyediaan 39,800 peluang pekerjaan.

Ini menunjukkan negeri itu semakin popular bagi pelabur asing sebagai pusat penanaman modal dan industri berasaskan eksport.

Selain itu, lebih 30 kawasan perindustrian seluas 11,987 hektar akan

dibangunkan sehingga 2005.

Kebanyakannya terletak di koridor pembangunan perindustrian, antaranya Koridor Pantai Timur (Kuantan dan Pekan); Koridor Timur-Barat (Bentong, Temerloh, Mentakab dan Kuantan); dan Koridor Tengah Utara-Selatan (Lipis, Raub, Muadzam Shah, Rompin dan Jerantut).

Bidang yang akan diberikan tumpuan ialah sektor automotif, elektrik, elektronik, petrokimia serta industri berasaskan perabot dan galian.

Daripada 30 kawasan perindustrian itu, Gebeng, Peramu, Gambang dan Muadzam Shah mendapat tumpuan dengan masing-masing dikenal pasti sebagai industri berasaskan petrokimia dan kimia; automotif; elektrik dan elektronik; dan seramik.

Bagi mempercepatkan pengeluaran keputusan berkaitan permohonan sesuatu projek daripada pelabur, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob mengumumkan penubuhan satu jawatankuasa penyelesaian segera.

Jawatankuasa itu dipengerusikan Adnan dan dianggotai Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Pengarah Tanah dan Galian negeri.

Katanya, ia akan membuat keputusan dengan cepat supaya pelabur tidak tertunggu-tunggu mengenai hasil permohonan mereka.

Jawatankuasa itu berbeza dengan jawatankuasa sehenti kendalian Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) yang dianggotai pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.

"Jawatankuasa penyelesaian segera itu akan mengkaji laporan teknikal yang dikemukakan beberapa badan tertentu bagi membantunya membuat keputusan sama ada diluluskan atau ditolak.

"Kita tidak mahu pelabur menunggu lama kerana sebarang kelewatan boleh merugikan mereka, termasuk kewangan," katanya.

Mengenai masalah bekalan air dihadapi pelabur sedia ada, Adnan berkata, kerajaan negeri akan memohon peruntukan RM400 juta kepada Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan kecekapan loji air dan membiayai penggantian paip air lama.

Beliau berkata, pelabur perlu bersabar kerana ia bukan boleh diselesaikan dalam tempoh sebulan dua.

(END)